

Perwakilan buat pilihan bijak — Mahathir

UM - 5 NOV 1993

KUALA LUMPUR 4 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perwakilan UMNO telah membuat keputusan yang bijak dalam memilih tiga muka baru Naib Presiden parti.

Perdana Menteri berkata, keputusan pertandingan merebut jawatan Naib Presiden dan Majlis Tertinggi menunjukkan 'semua pihak terpilih'.

"Tiada bukti wujudnya pasukan dalam UMNO kerana yang kalah tidak kalah banyak. Yang tidak begitu aktif berkempen

juga turut menang," katanya.

Dr. Mahathir yakin pemilihan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib sebagai Naib Presiden UMNO boleh membantu pencapaian matlamat parti dan negara.

Walaupun ketiga-tiga Naib Presiden itu masih muda, Perdana Menteri menyifatkan mereka bukan pemimpin yang terlalu muda.

Katanya, usia Allahyarham Tun Razak Hussein

ketika menjadi Timbalan Presiden UMNO adalah jauh lebih muda iaitu 28 tahun.

Bercakap kepada para pemberita pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) selepas keputusan pemilihan UMNO diumumkan lewat petang ini, beliau percaya ketiga-tiga Naib Presiden baru itu dapat bekerjasama dengan pemimpin lain dalam parti.

Perdana Menteri berkata, yang ketara dalam pemilihan UMNO kali ini ialah pola pengundian

menunjukkan jumlah pencalonan bahagian yang diterima oleh seseorang calon tidak mencerminkan bilangan undi pada hari pemilihan.

Katanya, undi yang diterima oleh tiga calon yang menang (Muhyiddin, Najib dan Muhammad) serta dua calon yang kalah (Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid) dalam pertandingan jawatan Naib Presiden menunjukkan 1,768 perwakilan UMNO mengagih-

■ Lihat muka 2

Perwakilan buat pilihan bijak — Mahathir

UM - 5 NOV 1993

kan undi mereka dengan adil.

Menurutnya, ini terbukti dengan perbezaan undi antara calon yang kalah dan menang tidak begitu jauh bezanya.

Ditanya mengenai perubahan yang akan berlaku dalam susunan Kabinet kerajaan berikutan pertukaran pucuk pimpinan UMNO, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak semestinya merombak Kabinet semata-mata berdasarkan keputusan hari ini.

"Saya tidak tertakluk dengan keputusan hari ini. Sebagai Perdana Menteri, saya boleh menurut keputusan ini atau sebaliknya. Inilah kelebihan menjadi seorang Perdana Menteri di Malaysia," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Perdana Menteri berkata, barisan kepimpinan dalam UMNO sekarang yang mempunyai Timbalan Presiden dan Naib Presiden

yang lebih muda memudahkan proses penggantian pemimpin.

"Mereka tidaklah terlalu muda, tetapi lebih kurang tua juga...kalau pemimpin pengganti lebih tua ia mungkin mewujudkan masalah," kata Dr. Mahathir.

Menjawab pertanyaan berhubung kedudukan bekas Timbalan Presiden, Encik Ghafar Baba dalam parti, Perdana Menteri yakin Ghafar tidak akan keluar daripada UMNO.

"Ghafar adalah berbeza...Ghafar tidak akan buat (keluar parti)," katanya sambil menambah pada masa ini beliau belum dapat memutuskan bentuk peranan yang boleh dimainkan oleh Ghafar dalam parti.

Bagaimanapun, seperti juga nasihatnya kepada ahli-ahli dan pemimpin UMNO selama ini, Dr. Mahathir meminta mereka merapatkan semula perpaduan selepas pemilihan demi keutuhan parti.